SALAM KEMERDEKAAN KE-69 & SELAMAT HARI MALAYSIA KE-63

eBuletin JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2026

"Merdeka bukan sekadar bebas dari penjajah, tetapi semangat untuk terus membina bangsa yang berani, maju, dan bersatu."

MALAYSIA MADANI
Kesejahteraan Dinikmati

eISSN 2637-0077

69

Isi Kandungan

01 Malaysia Rumah Kita

02 Pengjhayatan Merdeka: Di Mata Warisan dan Generasi Muda

05 Malaysia di Meja Makan: Apabila Makanan Menyatukan Kita

08 Membaca Data, Membina Negara

11 Merdeka daripada “Nanti”

13 Warisan Pusaka Merdeka-69

14 Kita Belum Merdeka

15 Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

18 Merdeka yang Sebenarnya

21 Merdeka Mode: On

23 Kebangsaan Malaysia.....

24 Hati Merdeka

25 Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

27 Menelusuri Erti Kemerdekaan Menerusi Layar Perak

32 Bicara Penuh Makna

33 Merdeka daripada Ketakutan terhadap Matematik

36 Jalur Gemilang

37 Pantun Kemerdekaan 2026

38 Pantun Prinsip Rukun Negara

39 Merdeka! Merdeka! Merdeka!

40 Setia Jalur Gemilang Demi Pasak Yang Lima

42 Unzip Sejarah Kita!

Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

OLEH: NORAZAH UMAR

Setiap kali menjelang Bulan Kebangsaan, radio, televisyen dan media sosial kembali diwarnai lagu-lagu patriotik. Ada yang mengalun syahdu, ada yang megah, dan ada juga yang hadir dengan rentak moden sehingga membuatkan kita turut sama menyanyi.

Bagi mereka yang membesar pada era 1980-an dan 1990-an, lagu-lagu patriotik lama tentu membawa kenangan tersendiri. Bait dalam Malaysia Berjaya, "Dari Perlis sampailah ke Sabah kita sudah merdeka", misalnya, mengimbau nostalgia perhimpunan sekolah, kibaran Jalur Gemilang dan suara murid-murid menyanyi beramai-ramai. Generasi hari ini pula membesar dengan lagu patriotik yang berbeza wajahnya, lebih rancak, santai dan dekat dengan cita rasa muzik semasa. Namun, perbezaan itu bukan sekadar soal rentak. Seperti karya seni yang lain, lagu patriotik turut mencerminkan zaman yang melahirkannya. Dahulu, patriotisme banyak disampaikan melalui perjuangan, pengorbanan dan kesetiaan. Kini, semangat yang sama lebih kerap diterjemahkan melalui perpaduan, kebersamaan dan harapan terhadap masa depan.

Lagu-lagu patriotik terdahulu, khususnya sekitar dekad 1960-an hingga 1990-an, lahir ketika kenangan terhadap perjuangan kemerdekaan dan pembentukan negara masih segar dalam ingatan masyarakat. Tidak hairanlah banyak karya ketika itu menggunakan bahasa yang puitis, formal dan sarat dengan perlambangan. Lagu seperti Bahtera Merdeka dan Warisan membawa pendengar kepada pengertian kemerdekaan yang erat dengan pengorbanan. Nyanyian Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad dalam lagu Warisan menggambarkan bahawa cinta kepada tanah air bukan sekadar perasaan, tetapi turut menuntut tanggungjawab dan kesediaan untuk mempertahankannya. Selain daripada itu lagu Setia yang dipopularkan oleh Francissca Peter pula mengangkat nilai kesetiaan dan kebersamaan terhadap negara.

Namun, tidak semua lagu patriotik terdahulu bernada serius. Tanggal 31, yang turut dipopularkan oleh Dato' Sudirman, hadir dengan rentak ceria dan semangat meraikan kemerdekaan. Lagu ini kekal popular sehingga hari ini dan hampir tidak pernah terpisah daripada sambutan Bulan Kebangsaan, menjadikannya antara lagu patriotik yang berjaya merentas generasi. Saya Anak Malaysia nyanyian Dr Sam Rasputin pula membawa pendekatan yang lebih santai dan bersahaja. Ungkapan "Saya Anak Malaysia" yang ringkas dan mudah diingati seolah-olah menjawab persoalan "Siapa aku?", sekali gus menjadikan semangat cintakan negara terasa dekat dengan rakyat biasa.

Memasuki abad ke-21, khususnya sejak dekad 2010-an, bunyi patriotisme Malaysia mula berubah. Generasi baharu membesar dalam suasana yang jauh berbeza daripada generasi pasca-kemerdekaan. Bagi kebanyakan mereka, perjuangan menuntut kemerdekaan ialah sejarah yang dikenali melalui buku, dokumentari dan cerita generasi terdahulu. Cabaran mereka pula lebih berkisar tentang perpaduan, identiti, teknologi, kemajuan dan masa depan negara.

Perubahan ini turut tercermin dalam lagu patriotik masa kini. Kita Punya Malaysia oleh Bunkface, misalnya, hadir dengan rentak pop-rock yang rancak dan bahasa yang lebih langsung. Semangat perjuangan masih ada, tetapi bentuknya berubah. Tumpuannya bukan lagi kepada perjuangan membebaskan negara, sebaliknya kepada usaha membina masa depan dan bersatu sebagai rakyat Malaysia. Jika lagu terdahulu banyak mengajak kita menoleh ke belakang dan mengenang pengorbanan, lagu hari ini lebih cenderung mengajak kita melihat ke hadapan.

Cara kepelbagaian masyarakat diraikan juga semakin terbuka. Genre muzik patriotik kini merangkumi pop-rock, hip-hop, rap, indie dan pelbagai unsur kontemporari yang lebih dekat dengan generasi semasa serta dunia media sosial. Semangat patriotisme turut menjadi lebih peribadi. Penggunaan kata seperti “aku” dan “kita”, seperti dalam lagu tema Hari Kebangsaan 2026, Aku Berjanji, menjadikan hubungan antara individu dengan negara terasa lebih dekat. Cinta kepada tanah air bukan hanya seruan kepada masyarakat, tetapi juga sebuah janji yang boleh bermula daripada diri sendiri.

Apabila membandingkan lagu patriotik dahulu dengan sekarang, mungkin ada yang merasakan lagu lama lebih mendalam manakala lagu moden lebih mementingkan hiburan. Namun, setiap generasi mempunyai bahasa emosinya sendiri. Generasi terdahulu memahami patriotisme melalui pengalaman yang lebih dekat dengan perjuangan dan pembentukan negara. Generasi hari ini pula berhadapan dengan persoalan bagaimana mahu mengekalkan keharmonian, membina masa depan dan memastikan Malaysia terus maju. Apabila bahasa patriotisme berubah, tidak semestinya rasa cinta terhadap negara semakin berkurang. Yang berubah mungkin hanyalah cara rasa itu diluahkan.

Lagu dahulu memberikan kita akar, sementara lagu hari ini memastikan akar itu terus tumbuh dalam zaman yang berbeza. Lagu patriotik bukan sekadar lagu latar sepanjang bulan Ogos, tetapi juga catatan tentang bagaimana rakyat Malaysia melihat negaranya pada sesuatu zaman. Ada generasi yang mengenal Merdeka melalui alunan syahdu dan koir megah di dewan sekolah. Ada pula yang menyanyikannya melalui gitar elektrik, rentak pop-rock dan muzik yang tular di media sosial.

Evolusi irama patriotik: Daripada kaset dan piring hitam era 80-an hingga ke platform penstriman moden.

Semuanya berbeza, tetapi menuju kepada rasa yang sama. Mungkin itulah keindahan lagu patriotik Malaysia. Kita tidak perlu memilih antara yang lama dengan yang baharu. Lagu terdahulu mengingatkan kita tentang perjalanan yang telah dilalui, manakala lagu hari ini mengajak kita memandang perjalanan yang masih panjang di hadapan. Kerana pada setiap zaman, Malaysia mempunyai iramanya sendiri dan selagi irama itu masih membuatkan kita mahu menyanyi bersama, semangat Merdeka tidak pernah kehilangan suaranya.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077